



TATACARA PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2025

1.0 PENDAHULUAN

Maklumat ini disediakan sebagai panduan kepada mana-mana individu yang berkelayakan untuk memohon Tauliah Mengajar Agama Islam di Negeri Kedah Darul Aman bagi Tahun 2025.

2.0 MAKLUMAT UMUM

Semua permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*). Pemohon perlu melengkapkan borang yang disediakan melalui pautan yang disediakan di **Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah**.

Permohonan Tauliah Mengajar boleh dimohon mulai **23 Januari 2025** sehingga **23 Februari 2025**.

3.0 KATEGORI PERMOHONAN

- 3.1 Terdapat tiga kategori permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam seperti berikut:
 - 3.1.1 **Fardhu Ain (Bahasa Melayu)** -Tauhid, Fiqh dan Tasawuf.
 - 3.1.2 **Fardhu Ain (Bahasa Arab)** - Tauhid, Fiqh dan Tasawuf.
 - 3.1.3 **Al-Quran Tajwid**
- 3.2 Pemohon boleh memilih samada salah satu daripada kategori di atas atau dua kategori seperti kategori Al-Quran Tajwid sahaja atau Fardhu Ain (B.Melayu/B.Arab) sahaja atau Al-Quran Tajwid dengan Fardhu Ain (B.Melayu)/ Fardhu Ain (B.Arab).
- 3.3 Bagi permohonan kategori Fardhu Ain (B.Melayu atau B.Arab) **hendaklah menduduki ketiga-tiga kertas peperiksaan bertulis**. Manakala, pemohon kategori Al-Quran Tajwid hanya perlu menduduki **satu kertas peperiksaan bertulis sahaja**.



3.4 Sukatan subjek adalah seperti berikut :

Kategori	Perkara	
	Subjek	Kitab Rujukan
Fardhu Ain (Bahasa Melayu)	Tauhid	'Aqidah An-Najin
	Fiqh	Matla'ul Badrain
	Tasawuf	Minhajul 'Abidin
Fardhu Ain (Bahasa Arab)	Tauhid	Kifayatul 'Awwam
	Fiqh	Fathul Mu'in
	Tasawwuf	Minhajul 'Abidin
Al-Quran Tajwid	Tajwid	Hidayatul Qari'

4.0 CARA PERMOHONAN

- 4.1 Semak syarat kelayakan permohonan.
- 4.2 Lengkapkan borang permohonan dengan menggunakan borang yang disediakan secara atas talian.
- 4.3 Pemohon boleh membayar permohonan secara atas talian mengikut kadar bayaran yang ditetapkan melalui sistem i-Bayaq.
- 4.4 Permohonan yang diterima dan lengkap akan dijemput menghadiri Seminar Teknik Menjawab Soalan Tauliah Mengajar yang diadakan pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan kemudian.
- 4.5 Pemohon akan dimaklumkan tarikh dan tempat untuk menduduki Ujian Bertulis (Tahriri).
- 4.6 Sekiranya pemohon berjaya lulus dalam Ujian Bertulis (Tahriri), pemohon dipanggil untuk menduduki Ujian Lisan (Syafawi) pada tarikh dan tempat yang ditetapkan.
- 4.7 Keputusan peperiksaan Tauliah Mengajar Agama Islam akan dimaklumkan dalam **Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah.**



5.0 KADAR BAYARAN PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran permohonan secara atas talian melalui sistem i-Bayaq.
- 5.2 Pemohon yang gagal membuat bayaran permohonan Tauliah Mengajar dalam tempoh masa yang ditetapkan maka permohonannya ditolak.
- 5.3 Kadar bayaran permohonan Tauliah Mengajar adalah seperti berikut:

Kategori	Kadar Bayaran (RM)	
	Warganegara	Bukan Warganegara
Fardhu Ain (Bahasa Melayu)	RM 60.00	RM 100.00
Fardhu Ain (Bahasa Arab)	RM 60.00	RM 100.00
Al-Quran Tajwid	RM 30.00	RM 50.00



6.0 TATACARA UJIAN BERTULIS (TAHRIRI)

6.1 Sebelum Menduduki Ujian Bertulis (Tahriri)

6.1 Sebelum Menduduki Ujian Bertulis (Tahriri)

- ✓ Melengkapkan permohonan atas talian.
- ✓ Membuat bayaran mengikut tempoh masa dan kadar yang ditetapkan.
- ✓ Memastikan tarikh, masa dan pusat Peperiksaan Bertulis (Tahriri) yang ditetapkan.

6.2 Semasa Menduduki Ujian Bertulis (Tahriri)

- ✓ Ujian Bertulis (Tahriri) mengandungi beberapa bentuk soalan dan semua soalan perlu dijawab mengikut arahan yang ditetapkan.
- ✓ Tempoh masa menjawab diperuntukkan adalah selama dua (2) jam sahaja bagi setiap subjek.
- ✓ Calon hendaklah menghantar kertas jawapan yang lengkap setelah tamat peperiksaan.
- ✓ Sekiranya calon tidak menjawab atau menjawab selepas tamat tempoh masa yang ditetapkan, maka kertas jawapan tersebut akan dibatalkan.

6.3 Selepas Menduduki Ujian Bertulis (Tahriri)

- ✓ Senarai calon yang lulus Ujian Bertulis (Tahriri) akan dipaparkan di Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah dan panggilan kepada calon berkenaan bagi menduduki Ujian Lisan (Syafawi) pada tarikh, masa dan pusat peperiksaan yang ditetapkan.



7.0 TATACARA UJIAN LISAN (SYAFAWI)

7.1 Sebelum Menduduki Ujian Lisan (Syafawi)

- ✓ Calon hendaklah mengulangkaji perkara-perkara asas Fardhu Ain bagi subjek Tauhid, Fiqh dan Tasawuf serta dan Al-Quran Tajwid.
- ✓ Calon dikehendaki membawa dokumen asal seperti berikut:
 - i. Kad Pengenalan
 - ii. Surat panggilan hadir ke sesi Peperiksaan Lisan.

7.2 Semasa Menduduki Peperiksaan Lisan (Syafawi)

- ✓ Calon hendaklah mematuhi etika seperti berikut:
 - i. Berpakaian sopan dan menutup aurat.
 - ii. Hadir 30 minit sebelum waktu Peperiksaan Lisan (Syafawi).
 - iii. Mendaftar kehadiran.
 - iv. Hanya calon sahaja dibenarkan masuk ke bilik temu duga.
 - v. Dilarang membuat sebarang rakaman sama ada secara *audio* atau *video*.
 - vi. Menetapkan fungsi telefon bimbit dalam *mod* senyap.
 - vii. Dilarang membuat sebarang perkara yang boleh mengganggu sesi temu duga.

7.3 Selepas Menduduki Ujian Lisan (Syafawi)

- ✓ Calon boleh mengetahui keputusan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah melalui paparan di Portal Rasmi dan media sosial Jabatan Mufti Negeri Kedah.
- ✓ Calon yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis bagi menghadiri Majlis Penganugerahan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditetapkan.


8.0 PENUTUP

Semoga tatacara permohonan yang disediakan ini dapat membantu mana-mana pihak atau individu untuk mengemukakan permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman bagi Tahun 2025.

Selamat Maju Jaya.



CARTA ALIR PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR (SECARA ATAS TALIAN/*ONLINE*)



INFOGRAFIK PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH



Sekiranya terdapat sebarang persoalan dan maklumat lanjut sila hubungi Unit Tauliah, Jabatan Mufti Negeri Kedah melalui :-
e-mel : tauliah@kedah.gov.my; atau
No.Tel : 04-702 6333/ 6326 (Urusetia Tauliah)